

GLOSARI DIALEK TERENGGANU. Oleh Ismail bin Dahaman et.al. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 2015. Hlm. 285. ISBN 978-983-46-1654-0.

Glosari Dialek Terengganu merupakan sebuah glosari yang diterbitkan sebagai daftar kata dialek Terengganu yang disertai dengan makna dan cara penggunaannya yang mempunyai kepanjangan 285 muka surat bermula dengan isi kandungan, kata pengantar oleh Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Dr. Haji Awang bin Sariyan, kata pengantar edisi pertama, pendahuluan edisi kedua dan pertama, isi dan terakhir adalah bibliografi. Penyusunan entri kata dalam dialek Terengganu disusun mengikut urutan abjad bermula dari abjad A sehingga Z.

Dialek atau loghat atau bahasa daerah merujuk kepada kelainan dalam sesuatu bahasa yang menjadi ciri golongan tertentu dalam kalangan penutur sesuatu bahasa itu. Di Malaysia, terdapat banyak dialek yang dinamakan mengikut nama negeri di Semenanjung Malaysia. Penamaan ini adalah berdasarkan geografi dan sempadan politik. Hal ini dilaksanakan bagi memudahkan ramai pihak terutama dalam urusan pentadbiran. Antara dialek-dialek yang wujud di Semenanjung Malaysia adalah dialek Kelantan, dialek Pahang, dialek Johor, dialek Melaka, dialek Negeri Sembilan, dialek Perak, dialek Kedah, dan dialek Pulau Pinang. Setiap dialek yang wujud mempunyai kepelbagaian dan keunikannya yang tersendiri dari sudut fonologi, morfologi, dan sintaksisnya. Kewujudan pelbagai dialek ini menjadikan negara Malaysia kaya dengan khazanah ilmu bahasa yang sangat bernilai.

Glosari ini ditulis dengan menggunakan transkripsi fonetik antarabangsa IPA (*International Phonetic Alphabet*) bagi mendokumentasikan kosa kata dialek yang masih belum digunakan oleh masyarakat penutur di samping menyeragamkan dengan semua glosari yang telah diterbitkan sebelum ini. Sebahagian besar glosari ini mengandungi kosa kata dialek Terengganu iaitu sebanyak 707 kata masukan utama yang dikumpulkan daripada perbendaharaan dialek Terengganu sebagaimana yang dituturkan oleh orang-orang Melayu setempat di daerah-daerah persekitaran. Pemilihan kawasan kajian adalah dikenalpasti berdasarkan ciri-ciri sebutan kata, penggunaan kata dan pengertian kata yang digunakan oleh penutur-penutur dialek tersebut yang didapati hampir-hampir sama dengan yang digunakan oleh penutur-penutur dialek setempat di Terengganu.

Pengumpulan data dan penyusunan buku Glosari Dialek Terengganu dilakukan dari tahun 1991 hingga 1996 oleh sekumpulan lapan orang penyelidik kajian kosa kata dialek iaitu tiga orang daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan lima orang daripada Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA). Proses yang dilakukan melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan serta penyusunan dan pengeditan melalui bengkel oleh para penyelidik dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagi memastikan maklumat yang tepat dan jelas dengan gambar asal, dimasukkan kata dialek Terengganu atau kata yang lain yang terdapat dalam Kamus Dewan yang didapati sama bentuknya atau sama maknanya dengan kata yang tersenarai dalam Glosari Dialek Terengganu sebagai perbandingan.

Glosari Dialek Terengganu diterbitkan untuk pembacaan umum dan juga rujukan umum. Oleh itu, glosari ini dilengkapi dengan maklumat asas yang diperlukan oleh pembaca dan penyelidik yang ingin mengetahui dialek Terengganu yang digunakan dengan sebutan dialek dan makna yang tepat. Antara perkara yang dimasukkan dalam glosari ini adalah kata masukan (kata entri),

transkripsi sebutan, bentuk terbitan (dan sebutannya), kelas kata, makna, contoh ayat dalam bentuk ayat dialek dengan sebutan ayat dialek tersebut, dan padanan bagi ayat dialek tersebut dalam bahasa Melayu baku. Padanan dalam bentuk ayat baku telah disediakan bagi membantu pembaca memahami maksud ayat dialek yang berkenaan. Pengelasan bagi sesuatu kata dialek adalah berdasarkan penggolongan kelas kata dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993). Terdapat empat kelas kata yang telah disenaraikan dalam glosari ini iaitu kata nama, kata kerja, kata sifat, dan kata tugas.

Transkripsi yang digunakan dalam glosari ini menggunakan IPA bagi menyeragamkan penulisan dan seterusnya dapat dibaca oleh pembaca. Vokal yang terdapat dalam dialek Terengganu antaranya ialah bunyi vokal depan luas, [a], vokal depan separuh sempit [e], vokal tengah [ɛ], vokal depan separuh luas [E], vokal depan sempit [i], vokal belakang separuh sempit [o], dan vokal belakang sempit [u]. Semua bunyi-bunyi vokal adalah bersuara. Di dalam dialek Terengganu digunakan semua iaitu lapan vokal ini. Contoh penggunaan vokal ini adalah:

- a) Menggunakan keselarasan bunyi [E – E] bagi bentuk keselarasan vokal [e – e] dalam sebutan baku bahasa Melayu. Contohnya: dendeng [dEn.dEN].
- b) Menggunakan keselarasan bunyi [E - ɔ] bagi bentuk keselarasan vokal [e – o] dalam sebutan baku bahasa Melayu. Contohnya: belok [bE.lo/].
- c) Menggunakan keselarasan bunyi [ɔ – E] bagi bentuk keselarasan vokal [o – e] dalam bentuk baku bahasa Melayu. Contohnya: bojeng [bo.dZEN].
- d) Menggunakan keselarasan bunyi [ɔ – ɔ] bagi bentuk keselarasan vokal [o – o] dalam sebutan baku bahasa Melayu. Contohnya: bobok [bɔ.bɔ/].
- e) Menggunakan bunyi [ɛ - ɔ] bagi bentuk keselarasan vokal [e - ɔ] bagi bentuk keselarasan vokal [e – a] dalam bentuk baku bahasa Melayu. Contohnya: getah [gɛ.tɔh], mentan [mɛ.tɔh].
- f) Menggunakan keselarasan bunyi [i – u] bagi bentuk keselarasan vokal [i – u] dalam bentuk baku bahasa Melayu. Contohnya: gimpun [gim.poN].

Lambang-lambang bunyi yang digunakan dalam glosari ini adalah seperti berikut:

a) Lambang bunyi vokal

Huruf Rumi	Sebutan Baku	Sebutan Dialek
a	[a]	[A]
e taling	[e]	[e]
e pepet	[e]	[ɛ]
i	[i]	[i]
o	[o]	[u]
u	[u]	[u], [o] Di akhir tertutup
bunyi sengau	[ʔ]	[ʔ]

b) Lambang bunyi konsonan

Huruf Rumi	Sebutan Baku	Sebutan Dialek
ai	[ai]	[Ai]
au	[au]	[Au]
oi	[oi]	[oi], [ui]

c) Lambang bunyi konsonan

Huruf Rumi	Sebutan Baku	Sebutan Dialek	
p	[p]	[p]	[/]
b	[b]	[b]	[p]
t	[t]	[t]	
d	[d]	[d]	[t]
k	[k]	[k]	[/], [Ö]
g	[g]	[g]	[k], [t]
s	[s]	[s]	[h], [«h], [eh]
c	[c]	[tS]	[s]
j	[j]	[dZ]	
l	[l]	[l]	
r	[r]	[r], [Ä]	[Ö], [r]
m	[m]	[m]	
n	[n]	[n]	
ny	[ny]	[ø]	
ng	[ng]	[N]	
w	[w]	[w]	
y	[y]	[j]	
f	[f]	[/], [p]	
v	[v]	[b]	
z	[z]	[z]	
sy	[sy]	[sy], [s]	
kh	[kh]	[k]	
gh	[gh]	[Ä]	
q	[q]	[q], [k]	

Manakala segmen bunyi yang menghasilkan bunyi konsonan adalah plosif dua bibir tak bersuara [p], prosif dua bibir bersuara [b], plosif gusi tak bersuara [t], plosif gusi bersuara [d], plosif lelangit lembut tak bersuara [k], plosif glosis (hentian glotis) [/], frikatif rongga tekak bersuara [Ö], plosif uvular atau anak tekak tak bersuara [q], plosif lelangit lembut bersuara [g], frikatif gusi tak bersuara [s], frikatif glosif tak bersuara [h], afrikat gusi lelangit keras tak bersuara [tS], afrikat gusi lelangit keras bersuara [dZ], konsonan lateral [l], getaran gusi [r], nasal dua bibir [m], nasal gusi [n], nasal lelangit keras [ø], dan nasal lelangit lembut [÷]. Penggunaan lambang-lambang fonetik ini adalah bagi membantu pembaca atau pengkaji dalam menuturkan dialek Terengganu dengan

tuturan yang tepat seperti yang diujarkan oleh penutur asli dialek Terengganu. Kaedah ini digunakan di seluruh dunia dalam mengkaji mana-mana bahasa atau dialek, atau subdialek. Perubahan-perubahan bunyi yang berlaku dalam dialek Terengganu dapat dilihat pada contoh di bawah.

- a) Bunyi konsonan [r] yang dilambangkan dengan huruf r dalam sebutan baku dilafazkan dengan bunyi yang seakan-akan bunyi [gh] di awal atau tengah kata. Bunyi ini menggunakan lambang fonetik [Ä]. Contohnya: rumah dilafazkan dengan [Äuu.mÄh].
- b) bunyi [s] yang dilambangkan dengan huruf s dalam sebutan baku dilambangkan dengan bunyi [h] di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya malas dilafazkan [mA.lAh].
- c) Bunyi [ar atau ur] yang dilambangkan dengan huruf *ar* atau *or* dalam sebutan baku dilafazkan dengan bunyi [o] atau [u] pada kedudukan akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya: abar disebut sebagai [A. bÄ].
- d) Bunyi [er] yang dilambangkan dengan huruf *er* dalam sebutan baku, dilafazkan dengan bunyi [E] atau [Eh] di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya pada perkataan celober disebut [tS«.Ä.bE].
- e) Bunyi [Ai] yang dilambangkan dengan huruf *ai* dalam sebutan baku dilafazkan dengan bunyi [A] di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya: pantai [pA.tA].
- f) Bunyi [A] yang dilambangkan dengan huruf *a* dalam sebutan baku dilafazkan dengan bunyi [«] di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya: sekala [s«.kA.l«].
- g) Bunyi konsonan [m, n] yang dilambangkan dengan huruf *m* dan *n* dalam sebutan baku bahasa Melayu dilafazkan dengan bunyi [N] di akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya dapat dilihat pada perkataan makan berubah menjadi [mA.kAN].
- h) Bunyi konsonan [p, k, t] yang dilambangkan dengan huruf *p*, *t*, dan *k* dalam sebutan baku bahasa Melayu dilafazkan dengan bunyi hentian glotis [ʔ] pada kedudukan akhir kata seperti yang berlaku dalam perkataan derap berubah menjadi [de.ÄÄ/].
- i) Bunyi vokal [Au] yang dilambangkan dengan huruf *au* dalam sebutan baku dilafazkan dengan bunyi [A] pada kedudukan akhir kata dalam dialek Terengganu. Contohnya pada perkataan pulau akan berubah menjadi [pu.lA].

Setiap transkripsi yang dilakukan di dalam glosari ini adalah berdasarkan pembahagian suku kata yang dipisahkan dengan tanda titik [·], dan noktak bertindih [:], digunakan bagi menandakan transkripsi sesuatu sebutan dialek dan bagi menunjukkan sesuatu huruf yang digunakan. Contohnya musing [m:u.sing] dan pitu [p:i.tu].

Terdapat beberapa aspek yang ditemui oleh penulis dalam glosari ini yang mungkin boleh diberi pandangan oleh pembaca dan penulis akan datang. Antaranya adalah berkenaan dengan pemilihan kawasan dan informan. Di dalam glosari ini tidak dinyatakan data-data yang diambil di kawasan mana. Adakah data ini dipungut di seluruh Terengganu ataupun hanya pada kawasan-kawasan yang mewakili Negeri Terengganu. Hal ini kerana, dialek Terengganu itu sendiri mempunyai subdialek-subdialeknya yang tersendiri. Adakah dialek yang diambil ini mewakili keseluruhan dialek Terengganu? Perkara kedua yang boleh dilihat juga adalah berkaitan dengan pemilihan informan kajian. Di dalam glosari ini tidak ditemui maklumat berkaitan informan yang digunakan.

Adakah pemilihan informan ini mempunyai ciri-ciri yang tepat sebagai seorang informan seperti yang dinyatakan bahasa iaitu harus menepati sekurang-kurangnya empat ciri utama seorang informan seperti memiliki umur yang sesuai, seorang perempuan, penduduk asal di kawasan tersebut, dan juga tidak atau kurang mempunyai komunikasi dengan pihak luar. Keempat-empat aspek yang dilihat ini penting dipatuhi agar data yang diperoleh ini boleh dipertanggungjawabkan seterusnya mempunyai kesahihan.

Usaha dan proses pendokumentasian khazanah negara yang sangat bernilai ini amat penting dan wajar diteruskan agar warisan ini sentiasa terpelihara dan terbuka bagi tatapan generasi akan datang.

Riduan Makhtar

Pusat Pengajian Teras

Universiti Islam Selangor